

>>Jangan terlalu mudah percaya dan terpedaya janji manis dan pakej ditawarkan kerana ia suatu yang mustahil kerana kita boleh agak kos sebenar pergi ke sesuatu destinasi

# Bengap dipukau pelancongan murah

Noor Mohamad Shakil Hameed

**B**elumpun reda isu penipuan agensi umrah, kita didedahkan pula dengan penipuan pakej pecutian murah, terutama melalui media sosial. Jika dilihat dari segi strategi licik dan modus operandi ia kelihatan hampir sama antara penipuan oleh agensi umrah dengan agensi atau individu yang menguruskan pakej pelancongan baik dalam negara mahupun ke luar negara.

Antara laporan seperti yang didedahkan oleh Harian Metro baru-baru ini membabitkan 12 orang rakan yang berputih mata bercuti ke Tokyo, Jepun. Akibatnya mereka dikatakan kerugian RM27,000 dan sehingga kini masih gagal mendapatkan semula wang mereka. Mengikut fakta kes, seorang daripada mangsa mengenali seorang wanita yang dikenali sebagai Alia menerusi laman sosial Instagram yang menawarkan pakej percutian murah ke Tokyo dengan harga serendah RM1,300 seorang selama lima hari empat malam. Mereka dikatakan sudah melunaskan semua bayaran seminggu sebelum tarikh berangkat.

Pada hari kejadian mangsa tersadai di klia2 kerana nama mereka langsung tiada dalam jadual penerbangan manakala Alia pula langsung tidak dapat dihubungi. Ini adalah antara kes yang dibawa ke perhatian umum di mana kita percaya ramai lagi rakyat kita pernah menjadi mangsa penipuan agensi pelancongan seperti

ini yang mengambil kesempatan dan mudah membuat keuntungan.

Ironinya walaupun sudah banyak kali didedahkan kes penipuan oleh ejen mahupun syarikat pelancongan, namun ternyata masih ramai dalam kalangan rakyat kita gagal untuk mengambil iktibar dan terus terpedaya dengan mudah dengan pelbagai tawaran palsu membabitkan pakej yang kononnya murah dan menarik membabitkan beberapa destinasi pelancongan popular baik dalam mahupun luar negara. Akibatnya juga jumlah kerugian dan bilangan mangsa yang tertipu terus mencatatkan peningkatan. Misalnya menurut Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) pihaknya menerima 3,468 aduan membabitkan pelbagai masalah berkaitan pelancongan dan ejen pelancong, termasuk aduan mengenai aspek perkhidmatan disediakan dan pakej dibeli oleh pengguna di seluruh negara. Jelas masalah ini semakin memudaratkan dan memerlukan tindakan yang segera daripada semua pihak.

Betul kita tidak puas hati, geram dan marah dengan penipuan seperti ini apatah lagi bila ia membabitkan jumlah kerugian yang besar tetapi bagi penulis tidak perlu kita menuding jari kepada agensi mahupun ejen yang menipu itu semata-mata kerana pada hakikatnya kita yang membenarkan mereka memperdaya dan menipu kita dengan begitu mudah sekali.

Misalnya kita patut sedar dan tahu betapa melancong ke sesuatu lokasi sememangnya ada kadar kos tertentu sama seperti

menunaikan umrah. Justeru, kita sewajarnya boleh kenalpasti sama ada sesuatu tawaran pakej pelancongan itu berasas dan logik ataupun tidak masuk akal. Sebagai pengguna yang bijak, kita sepatutnya membuat perbandingan dan anggaran harga pakej yang serupa disediakan oleh beberapa agensi pelancongan lain. Dari situ kita boleh tentukan sama ada pakej ini boleh dipercayai ataupun ada usaha untuk menipu pengguna. Namun, realitinya kita tidak membuat perbandingan harga terbabit, sebaliknya lebih memikirkan jumlah yang dapat dijimatkan apabila mendapati harga pakej itu jauh lebih murah. Ini sebenarnya tindakan yang cukup berisiko tinggi dan akibatnya kita mengalami kerugian secara total di kemudian hari. Ringkasnya kita masih gagal untuk mengesan taktik licik agensi dan ejen pelancongan yang berlindung di sebalik tawaran pakej dengan harga yang tidak masuk akal mahupun logik.

Dalam pada itu, timbul juga persoalan kenapa dan bagaimana rakyat kita begitu mudah mempercayai seseorang yang tidak dikenali ataupun hanya dikenali melalui laman sosial sehingga sanggup membayar sejumlah wang yang besar kepada mereka tanpa sebarang keraguan dan kerisauan. Belum pernah jumpa, hanya kenal di media sosial, hanya pernah berhubung melalui telefon tetapi sanggup memindahkan keseluruhan amaun yang terlibat ke akaun individu itu. Bukankah ini suatu kelakuan dan tindakan yang agak keterlaluan, berisiko tinggi, terlalu yakin dan percaya pada orang yang tidak dikenali serta membuat tuli? Memang betul kita diajar dan dididik untuk berprasangka baik terhadap orang lain,

namun dalam hal perniagaan dan membabitkan kewangan seeloknya kita lebih berhati-hati dan selidik dahulu latar belakang syarikat pelancongan mahupun ejen yang terbabit supaya tidak menyesal di kemudian hari.

Pada masa sama, kita juga perlu berhati-hati dengan ejen pelancongan persendirian yang tidak berdaftar dan bergerak sendiri. Kebanyakan daripada mereka hanya bergerak aktif dalam media sosial kerana mudah

memancing mangsa dengan pelbagai tawaran pakej yang luar biasa. Sebagai langkah berhati-hati seeloknya kita menggunakan perkhidmatan syarikat dan ejen pelancongan yang berdaftar supaya mudah untuk kita mengenali mahupun mencari mereka jika berlaku sesuatu yang mencurigakan.

Kita perlu ingat betapa bilangan mangsa yang mendapat kembali wang kerugian mereka sangat sedikit dan itupun belum tentu dapat sekali gus berserta dengan jumlah

keseluruhan yang kita bayar. Kebanyakan mangsa kes penipuan seperti ini tidak pernah dapat kembali wang mereka kerana ejen terbabit akan lesap selepas mengutip semua bayaran. Walaupun kita membuat laporan polis, sedarlah tidak banyak yang dapat dibantu oleh pihak berkuasa dalam situasi seperti ini kerana nasi sudah pun menjadi bubur pada ketika itu.

Kesimpulannya pengguna perlu lebih berhati-hati apabila berurusan dengan orang yang tidak dikenali,

**FAKTA**  
FOMCA terima 3,468 aduan membabitkan pelbagai masalah berkaitan pelancongan dan ejen pelancong di seluruh negara